

02 SEP 1997

Law-Jerebu

MEMBENIH AWAN UNTUK ATASI JEREBU DI LEMBAH KLANG

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Jabatan Kajicuaca akan menjalankan usaha membenih awan selama seminggu mulai Ahad ini bagi mengatasi jerebu di Lembah Klang, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Law berkata khidmat sebuah syarikat kapal terbang swasta akan digunakan untuk menjalankan usaha mewujudkan hujan bagi menghilangkan jerebu di kawasan berkenaan.

Beliau memberitahu pemberita di sini bahawa keputusan untuk menjalankan pembenihan awan dibuat berikutan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa usaha itu harus dijalankan di kawasan yang menghadapi kemarau dan jerebu.

Ketika ditanya sama ada usaha membenih awan akan dijalankan di Sarawak, Law berkata jabatan memutuskan untuk menjalankan usaha itu di Lembah Klang dahulu kerana pesawat yang digunakan hanya boleh menjalankan proses itu di sekitar kawasan berkenaan.

Law berkata jabatan akan cuba menjalankan pembenihan awan di negeri lain bergantung kepada keadaan, kos dan terdapatnya pesawat.

Menurutnya, syarikat yang diambil untuk menjalankan tugas itu mempunyai pesawat yang sesuai serta peralatan yang diperlukan.

Pada mulanya, Jabatan menghubungi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tetapi pesawat TUDM tidak mempunyai peralatan yang diperlukan untuk tujuan itu, kata beliau.

Mengenai kadar kejayaan usaha membenih awan, beliau berkata rekod yang berpusat di Pulau Pinang dan Kedah, tempat proses itu dijalankan, menunjukkan peratusan yang tinggi bagi kejayaannya.

Law juga berkata kementerian tida menerima berita dari Indonesia berhubung dengan kebakaran hutan di Sumatra dan Kalimantan yang dikaitkan dengan keadaan jerebu di negara ini sekarang.

"Kakitangan jabatan Kajicuaca sentiasa berhubung dengan mereka," kata beliau.

Law berkata Jabatan itu dan Jabatan Alam Sekitar melaporkan bahawa indeks kualiti udara di seluruh negara semalam menunjukkan kadar sederhana.

Mengeai kegiatan pembalakan dan menebang pokok di Kelantan, Law berkata tarikh akan ditetapkan untuk memberi taklimat kepada kerajaan negeri mengenai perkara itu seperti diarahkan oleh Kabinet.

"Selepas taklimat, kami berharap kerajaan negeri memberi perhatian serius kepada perkara itu," kata beliau.

Menuurt laporan akhbar hari ini, kegiatan pembalakaan dan penebangan di Tanah Tinggi Lojing berterusan hingga menyebabkan kerosakan serius pada alam sekitar.

Law berkata tindakan harus diambil kerana laporan dan temubual di kalangan Orang Asli mengenai kegiatan itu menunjukkan bahawa kerajaan negeri perlu memberi perhatian sewajarnya kepada isu itu.

Terdahulu, Law menyampaikan hadiah kepada enam sekolah yang mempunyai kelab astronomi yang aktif. -- BERNAMA

HAK RM FAZ